

144

SOALAN NO. 155

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BUKAN LISAN

MESYUARAT PERTAMA, DEWAN RAKYAT

PENGGAL KEENAM, PARLIMEN KETIGA BELAS

MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN

**DARIPADA : DR. IZANI BIN HUSIN [PENGGALAN
CHEPA]**

TARIKH : 5 MAC 2018 (ISNIN)

SOALAN :

Dr. Izani Bin Husin [Pengkalan Chepa] minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan apakah langkah yang diambil bagi menyelesaikan masalah penderaan kanak-kanak yang semakin berleluasa.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM, MENTERI
PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN
MASYARAKAT**

Antara langkah-langkah perundangan yang diambil oleh Kerajaan bagi menangani isu penderaan kanak-kanak adalah seperti berikut:

a. Penguatkuasaan Akta Kanak-Kanak 2001

Seksyen 17(1)(a) dan (b) Akta Kanak-Kanak 2001 dengan jelas menyatakan bahawa kanak-kanak memerlukan pemeliharaan dan perlindungan jika kanak-kanak itu telah atau besar kemungkinan akan dcederakan dari segi fizikal, emosi atau seksual oleh ibu atau bapa atau penjaganya. Sekiranya ini berlaku, Seksyen 18 telah memberi kuasa kepada Pelindung, Pembantu Pelindung atau pegawai polis untuk mengambil kanak-kanak itu ke dalam jagaan sementara.

b. Penguatkuasaan Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017

Bagi kesalahan-kesalahan berkaitan jenayah seksual yang tidak diliputi dalam Akta Kanak-Kanak 2001, Akta Kesalahan-Kesalahan

Seksual terhadap Kanak-Kanak 2017 telah digubal untuk memperuntukkan hukuman bagi kesalahan-kesalahan yang berkaitan dengan pornografi seperti menghasilkan pornografi kanak-kanak, menggunakan kanak-kanak dalam penghasilan pornografi kanak-kanak, mengakses atau mempunyai dalam milikan, menjual dan/atau menerbitkan pornografi kanak-kanak serta pengantunan (*grooming*) yang berunsurkan seksual. Ini dilihat dapat menyelamatkan kanak-kanak berkekaan sebelum jenayah yang lebih besar seperti rogol dan dera berlaku.

Dalam pada itu, Kementerian juga menangani isu penderaan kanak-kanak melalui kerjasama dengan orang awam dan pertubuhan-pertubuhan bukan Kerajaan (NGO) seperti berikut:

a. Pelantikan Pembantu Pelindung

Melalui pindaan yang dibuat ke atas Akta Kanak-Kanak 2001, Pembantu Pelindung akan dilantik dalam kalangan individu yang layak untuk menyelamatkan kanak-kanak yang memerlukan pemeliharaan dan perlindungan segera (contoh: dera dan abai). Pelantikan ini adalah bagi menggalakkan penyertaan serta memperkasakan masyarakat atau komuniti bersama Kerajaan dalam usaha melindungi kanak-kanak.

b. Kerjasama orang awam melalui penyampaian maklumat

Akta Kanak-kanak 2001 yang dipinda pada tahun 2016 bertujuan menggalakkan penyampaian maklumat oleh orang awam di bawah seksyen baharu iaitu seksyen 29A yang mana sekiranya terdapat mana-mana laporan kanak-kanak yang telah dcederakan sama ada dari segi fizikal, emosi atau seksual. Pewujudan seksyen baharu ini adalah bagi menggalakkan maklumat diberikan oleh orang awam termasuk guru, sahabat dan jiran kanak-kanak memandangkan maklumat tersebut adalah penting untuk menyelamatkan nyawa kanak-kanak dan orang awam dalam kategori ini adalah antara yang paling hampir dalam kehidupan seharian kanak-kanak.

c. Perkhidmatan Talian KASIH 15999

Perkhidmatan seperti Talian Kasih 15999 berfungsi untuk rakyat terus menyalurkan isu-isu sosial kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat dilihat mempercepatkan proses melindungi kanak-kanak berkenaan. Semua laporan termasuk penderaan kanak-kanak yang diterima melalui Talian Kasih 15999 akan terus disalurkan kepada Pelindung (Pegawai Jabatan Kebajikan Masyarakat) yang berada di Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah berdekatan dengan kes.

148

d. Pasukan khas sebagai pengantara rakyat dan Kerajaan

Pasukan Perlindungan Kanak-Kanak yang ditubuhkan di bawah Akta Kanak-Kanak 2001 juga dilihat sebagai mekanisme perlindungan kanak-kanak dari kalangan anggota masyarakat. Pasukan yang ditubuhkan di peringkat daerah seluruh negara mempunyai keanggotaan tidak lebih daripada 7 orang dan perlu dianggotai oleh seorang pegawai perubatan dan seorang pegawai polis kanan serta individu-individu yang dikenal pasti mempunyai pengalaman, pengetahuan dan kepakaran yang sesuai dalam pencegahan, pemeliharaan dan perlindungan kanak-kanak.

e. Sahabat B.I.J.A.K

Antara langkah preventif untuk menangani isu ini adalah program advokasi untuk membina kesedaran kanak-kanak dan juga komuniti mengenai keselamatan kanak-kanak. Program Keselamatan Kanak-Kanak Di Sekolah - Sahabat B.I.J.A.K dilaksanakan dengan kerjasama agensi-agensi Kerajaan terutamanya Kementerian Pendidikan dan sektor korporat. Program ini bermula sejak tahun 2014 dan direka bagi tujuan menyebarkan luas maklumat berkaitan aspek keselamatan kanak-kanak termasuk literasi undang-undang

kepada kanak-kanak sekolah, ibu, bapa, penjaga, guru-guru serta masyarakat.

f. Kerjasama NGO

NGO merupakan rakan strategik Kementerian dalam melaksanakan pelbagai program kesedaran dan advokasi untuk perlindungan dan keselamatan kanak-kanak termasuklah dalam dunia siber. Program-program kesedaran terhadap hak kanak-kanak, keselamatan di sekolah, perlindungan terhadap diri sendiri dan kesedaran terhadap ancaman siber sering diadakan dengan kerjasama NGO antaranya Protect and Save the Children (P.S. The Children), Yayasan Generasi Gemilang, UNICEF dan DiGi.